(ii) Samada pihak tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah pada kes pendakwa.

Seterusnya Mahkamah telah menimbangkan samada pihak tertuduh telah menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwa. Dari segi pemilikan barang yang dirampas (Exh. P5A-H dan Exh. P7A-G) tidak didapati keraguan bahawa OKT telah memiliki barang-barang itu. Dalam kes ini OKT telah ditangkap oleh anggota serbuan Polis yang memerhati pergerakannya semasa dia memegang exhibit-exhibit itu.

Setelah mengkaji keterangan OKT Mahkamah mendapati tiada keraguan yang munasabah yang telah ditimbulkannya untuk meragukan kes pihak pendakwa (lihat *Mohamad Radhi bin Yaakob lwn. PP* [1991] 3 MLJ 169).

Keputusan

Setelah menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan dalam kes ini Mahkamah memutuskan pihak pendakwa telah membuktikan kes tanpa sebarang keraguan yang munasabah. OKT didapati bersalah di atas tuduhan mengedar dadah di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Merbahaya dan disabitkan kesalahannya.

Di bawah s. 39B(2) hanya satu hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada sesiapa yang mengedar dadah ialah hukuman mati. Oleh itu Mahkamah menjatuhkan hukuman mati terhadap OKT.

PERWAJA STEEL SDN. BHD. & 1 LAGI

lwn.

MAJLIS DAERAH KEMAMAN, TERENGGANU

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATUK MOKHTAR BIN HAJI SIDIN H.
[SAMAN PERMULAAN NO. S5-24-59-94]
18 FEBUARI 1994

INTERPRETASI: "Local authority" - Seksyen 3, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 - Takrif - Samada meliputi Majlis Daerah - Samada meliputi hanya Majlis Tempatan - Samada Majlis Daerah diberi kuasa untuk bertindak di bawah Akta.

INTERPRETASI: "Local authority" - Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 - Takrif - Perbandingan dengan maksud "local authority" dibawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan - Samada ungkapan "local authority" dalam kedua-dua Akta mempunyai maksud dan skop yang berbeza.

INTERPRETASI: Akta am dan Akta khas - Percanggahan dalam peruntukan - Samada Akta am tertakluk kepada Akta khas - Samada Akta khas satu pengecualian kepada Akta am - Samada Akta yang baharu membatalkan Akta yang lama.

Plaintif telah memulakan pembinaan satu skim perumahan untuk kakitangan dan pekerja mereka didalam kawasan pentadbiran defendan. Pelan pelan perumahan bagi skim tersebut telah diluluskan oleh Pengarah Buruh berlandaskan peruntukan dalam Akta Standard Standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya. Bagaimanapun sebagai tanda hormat plaintif telah mengemukakan juga pelan-pelan skim perumahan tersebut kepada defendan.

Ekoran dari itu pada 16 Disember 1993 defendan telah mengarahkan plaintif supaya menghentikan semua kerja pembinaan skim tersebut sehingga kelulusan pelan diberi oleh defendan. Arahan ini dibuat dibawah seksyen 70 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Di atas arahan ini plaintif telah memohon Mahkamah mengistiharkan antara lain bahawa skim tersebut adalah khusus dikuasai oleh Akta 446 dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya dan bahawa Akta 133 adalah tidak berkaitan dengan skim perumahan tersebut

yang berakibat arahan yang diberikan oleh defendan adalah tidak sah di sisi undang-undang.

Defendan kemudiannya mengaku melalui penghakiman izin bahawa mereka tidak berhak membuat arahan seperti yang dinyatakan dan plaintif berhak mendapatkan perintah yang dipohon. Mahkamah bagaimanapun memutuskan untuk memberi penjelasan terhadap asas-asas kenapa plaintif berhak mendapat pengistiharan seperti yang dipohon.

Diputuskan:

[1] Maksud perkataan "local authority" dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) adalah berlainan dengan "local authority" yang dinyatakan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976. "Local authority" yang dimaksudkan dalam Akta Kerajaan Tempatan, yang meliputi Majlis Daerah, adalah lebih luas maknanya daripada "local authority" di dalam Akta 133 di mana ianya hanya meliputi Majlis Tempatan sahaja.

[2] Kuasa yang telah diberikan untuk bertindak dibawah Akta 133 adalah Majlis yang dinyatakan dalam Akta tersebut dan bukannya Majlis dibawah Akta Kerajaan Tempatan. Dalam kes ini surat arahan bertarikh 16 Disember 1993 yang dibuat dibawah s. 70 Akta 133 adalah surat daripada Yang Di Pertua Majlis Daerah Kemaman dan bukannya daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Akta 133. Tidak ada dinyatakan didalam Akta 133 bahawa Majlis Daerah mempunyai kuasa untuk bertindak dibawah Akta itu. Oleh yang demikian surat bertarihk 16 Disember 1993 tersebut adalah tidak sah dan tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang.

[3] Di dalam kes ini terdapat dua Akta yang berlainan yang boleh dipakai bagi meluluskan pelan-pelan bagi skim tersebut, iaitu Akta 446 yang digubal bagi menentukan rumah-rumah pekerja didirikan oleh majikan mereka mengikut standard yang minimum di mana sesuatu pelan itu hanya memerlukan kelulusan Ketua Pengarah Buruh, dan Akta 133 yang terpakai bagi pembinaan-pembinaan jalan, parit dan bangunan di bandar-bandar dan di Majlis Tempatan di mana pelan hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan. Adalah jelas bahawa Akta 446 adalah satu Akta khas sedangkan Akta 133, sebaliknya, adalah satu Akta am.

[4] Prinsip generalia specialibus non derogant adalah terpakai di negara ini yang berakibat Akta 133 adalah tertakluk kepada Akta 446. Oleh hal yang demikian, skim perumahan tersebut, yang didirikan khas oleh majikan untuk pekerja adalah tertakluk kepada Akta khas iaitu Akta 446, dan Akta 133, setakatmana peruntukan di dalamnya didapati berlawanan dengan peruntukan dalam Akta 446, hendaklah disifatkan sebagai terbatal dan tidak terpakai. Dengan itu dalam kes ini Ketua Pengarah Buruhlah yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pelan-pelan di skim perumahan tersebut.

[5] Prinsip "leges posteriores priores contrarias abrogant" adalah juga terpakai dalam kes ini yang bermakna Akta 446 dalam sifatnya sebagai Akta yang baharu hendaklah dianggap sebagai membatalkan Akta yang dahulu (Akta 133) setakat mana Akta yang dahulu itu didapati berlawanan atau bertentangan. Berdasarkan prinsip ini jelas bahawa kuasa meluluskan pelan-pelan di skim perumahan tersebut adalah juga tertakluk kepada Akta 446 dan bukannya Akta 133.

[Permohonan dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:

Corporation of Madras lwn. Electric Tramways Ltd. AIR [1931] Mad. 152 ***(diikuti)***

U.H.G. lwn. Director General of Inland Revenue [1974] 2 MLJ 33 ***(diikuti)***

Public Prosecutor lwn. Chew Siew Luan [1982] 2 MLJ 119 ***(diikuti)***

Public Prosecutor lwn. Chu Beow Hin [1982] 1 MLJ 135 ***(diikuti)***

Goodwin lwn. Phillips [1908] 7 CLR 1 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Kerajaan Tempatan 1976, s. 2

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, ss. 1(3), 70

Akta Standard-standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, s. 7(2)(b)

Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, peraturn 39(1)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:

Construction of Statue, Elmer A. Driedger Q.C (2nd Edn.) Butterworth Toronto 1983 m.s 226.

Bagi pihak plaintif - V.K Lingam (V.P Siva dan Geetha Menon); T/n V.K Lingam & Co

Bagi pihak defendan - Haranay Md. Noor; T/n Haranay Noor & Co

ALASAN PENGHAKIMAN

Mokhtar Bin Haji Sidin H:

Ini adalah satu permohonan oleh plaintif iaitu dua syarikat sendirian berhad yang didaftarkan untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) Satu pengisytiharan bahawa surat defendan Ruj. MDK. 241/93/329-(17) yang bertarikh 16 Disember 1993 tidak sah;
(b) Satu pengisytiharan bahawa Skim Perumahan Kakitangan Perwaja yang terletak di Lot 2734, Mukim Banggol dan Lot 6202, Mukim Chukai, Daerah Kemaman, Terengganu adalah khususnya dikuasai oleh Akta Standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990 (Akta 446)dan Peraturan-Peraturan Standard-standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990 dan bahawa Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) tidak berkaitan dengan Perumahan Kakitangan Perwaja di Kemaman; dan
(c) Relif yang berkaitan dengan permohonan ini termasuk kos.

Defendan di dalam kes ini ialah Majlis Daerah Kemaman, Terengganu.

Fakta di dalam kes ini ialah plaintif pertama dan kedua adalah subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Terengganu. Plaintif pertama memiliki dan menjalankan loji pengeluaran keluli yang terletak di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman, Terengganu. Di loji tersebut terdapat seramai 1,197 pekerja yang sejumlah besar daripadanya adalah dari golongan berpendapatan rendah. Pekerja-pekerja tersebut telah menghadapi masalah perumahan yang genting sejak 10 tahun yang lalu ekoran dari masalah kekurangan rumah dan kadar sewa yang tinggi bagi rumah-rumah di kawasan tersebut. Untuk mengatasi masalah berkenaan dan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja, plaintif pertama telah memulakan satu Skim Perumahan Kakitangan Perwaja. Di bawah skim tersebut plaintif kedua iaitu Perwaja Realty and Development Sdn. Bhd. telah dipertanggungkan khusus untuk memperolehi dan memiliki tanah bagi tujuan membina rumah-rumah bagi pekerja-pekerja plaintif pertama.

Kedua-dua plaintif telah memulakan kerja-kerja pembinaan rumah untuk Skim Perumahan Kakitangan Perwaja Kemaman (selepas ini disebut sebagai "skim perumahan tersebut") dalam bulan November 1993 di atas Lot 2734 Mukim Banggol dan Lot 6202 Mukim Chukai, Kemaman, Terengganu. Pelan-pelan bagi bangunan di skim perumahan tersebut berasaskan pelan-pelan standard bangunan Skim Perumahan Kakitangan Perwaja Gurun, Kedah yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Buruh di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (selepas ini disebut sebagai "Akta 446"). Skim Perumahan Kakitangan Perwaja Gurun, Kedah merupakan skim perumahan pertama oleh kedua-dua plaintif bagi pekerjanya. Mengikut peraturan 39(1) Peraturan-peraturan Perumahan Pekerja 1990, pelan-pelan skim perumahan bagi skim perumahan tersebut tidak perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Buruh sekiranya pelan-pelan perumahan tersebut adalah sama dengan pelan perumahan di Gurun yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Buruh. Walau bagaimanapun plaintif telah menyerahkan pelan-pelan perumahan bagi skim perumahan tersebut kepada Ketua Pengarah Buruh. Pelan susunatur tapak bagi skim perumahan tersebut telah diluluskan menurut s. 7(2)(b) Akta 446. Mengikut plaintif, sungguhpun tidak ada peruntukan undang-undang yang menghendakki plaintif mengemukakan pelan-pelan kepada defendan, tetapi sebagai tanda penghormatan plaintif telah mengemukakan pelan-pelan skim perumahan tersebut kepada defendan.

Melalui satu surat bertarikh 16 Disember 1993 defendan telah meminta plaintif menyerahkan pelan-pelan yang dipinda di dalam tempoh 14 hari dan jika gagal berbuat demikian pelan-pelan tersebut tidak akan dipertimbangkan oleh defendan. Defendan seterusnya telah mengarahkan plaintif untuk menghentikan semua kerja untuk mendirikan bangunan di skim perumahan tersebut. Arahan-arahan ini dibuat di bawah s. 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (selepas ini disebut sebagai "Akta 133" sahaja). Di atas arahan-arahan yang dibuat oleh defendan itu, plaintif telah membuat

permohonan di Mahkamah ini untuk mendapatkan perintah pengisytiharan yang dinyatakan di atas.

Di dalam kes ini hanya satu isu yang telah ditimbulkan iaitu sama ada defendan berhak membuat arahan-arahan yang telah dinyatakan di atas. Persoalan yang ditimbulkan oleh plaintif ialah defendan tidak mempunyai kuasa untuk membuat arahan-arahan berkenaan.

Sungguhpun defendan telah mengakui melalui penghakiman izin bahawa defendan tidak berhak membuat arahan-arahan yang dinyatakan dan plaintif berhak mendapatkan perintah yang dimohon, Mahkamah ingin menjelaskan mengapa plaintif berhak mendapatkan perintah-perintah yang dimohon kecuali kos di mana Mahkamah telah memerintahkan tiap-tiap pihak membiayai kos mereka sendiri. Mahkamah telah meneliti permohonan ini dengan teliti dan juga Akta-Akta yang berkaitan dan mendapati defendan tidak berhak membuat arahan-arahan yang dibuat olehnya. Ada tiga sebab mengapa Mahkamah mendapati defendan tidak berhak membuat arahan tersebut di mana tiap-tiap satu sebab itu sudah mencukupi untuk menunjukkan defendan tidak mempunyai kuasa di atas skim perumahan tersebut dan seterusnya membuat arahan.

[1] *Sebab pertama:*

Saya telah meneliti Akta 133 di mana dinyatakan di bawah s. 1(3) bahawa pemakaian Akta 133 adalah bagi kawasan pihak berkuasa tempatan di dalam sesuatu negeri di mana pemberitahuan telah dibuat. Seksyen 1(3) adalah seperti berikut:

> 1(3) This Act shall come into force on such date as the Minister may, after consultation with the State Authority, appoint in relation to that State by a notification in the Gazette and the Minister may, after consultation with the State Authority, appoint different dates for the coming into force of different provisions of this Act and may bring all or any provisions thereof into force either **in all the local authority areas of a State to which the notification applies or in such local authority area of the State as may be specified in the notification.**
> (Tekanan oleh saya).

Di dalam 'preamble' Akta tersebut dinyatakan seperti berikut:

> Whereas it is desired to introduce in the form of an Act of Parliament a uniform system with respect to street, drainage and building **in local authority areas in West Malaysia.**
> (Tekanan oleh saya).

Dari kedua-dua peruntukan ini adalah jelas kepada saya bahawa perkataan yang penting di sini ialah "local authority". Perkataan "local authority" ini telah ditakrifkan di bawah s. 3 Akta tersebut sebagai berikut:

> 3. Interpretation:
>
> In this Act unless the context otherwise requires -
>
> "local authority" means any city council, municipal council, town council, town board, local council, rural board or similar local authority established by written law and in relation to the Federal Territory means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under s. 3 of the Federal Capital Act 1960.

Perkataan "local authority" di bawah Akta 133 adalah berlainan dengan "local authority" yang dinyatakan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan "local authority" telah ditakrifkan di bawah s. 2 Akta tersebut seperti berikut:

> "local authority" means any City Council, Municipal Council or District Council, as the case may be, and in relation to the Federal Territory means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under s. 3 of the Federal Capital Act 1960.

Di dalam Akta Kerajaan Tempatan adalah jelas yang dimaksudkan "local authority" lebih luas maknanya daripada "local authority" di dalam Akta 133. Di dalam Akta Kerajaan Tempatan "local authority" meliputi Majlis Daerah tetapi di bawah Akta 133 hanya meliputi Majlis Tempatan sahaja. Adalah jelas kepada saya surat bertarikh 16 Disember 1993 adalah surat daripada Yang Di Pertua, Majlis Daerah Kemaman dan bukannya daripada Pihak Kuasa Tempatan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 133. Kuasa yang telah diberikan untuk bertindak di bawah Akta 133 tersebut ialah Majlis yang dinyatakan di dalam Akta tersebut dan bukannya Majlis di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Tidak ada dinyatakan

di dalam Akta 133 Majlis Daerah mempunyai apa-apa kuasa untuk bertindak di bawah Akta 133 tersebut.

(2) *Sebab kedua:*

Sebab kedua ialah prinsip di mana terdapat dua Akta yang mempunyai peruntukan berbeza dan bertentangan Akta yang mana patut dipakai. Di dalam kes ini terdapat dua Akta yang berlainan yang boleh dipakai bagi meluluskan pelan-pelan bagi skim perumahan tersebut. Akta-akta itu ialah Akta 446 dan Akta 133. Di bawah Akta 446 sesuatu pelan itu hanya memerlukan kelulusan Ketua Pengarah Buruh dan di bawah Akta 133 pelan hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya telah meneliti kedua-dua Akta dan mendapati tidak ada apa-apa peruntukan yang boleh menunjukkan sesuatu Akta itu tertakluk kepada (subject to) Akta yang satu lagi ataupun sesuatu Akta itu bergantung ke atas satu Akta lagi. Kedua-dua Akta ini adalah dua Akta yang berasingan. Dengan itu persoalannya timbul Akta mana yang terpakai terutama sekali kuasa meluluskan pelan bagi skim perumahan tersebut

Setelah meneliti Akta 133 dan saya telah mendapati bahawa Akta tersebut adalah satu Akta am (general Act) yang terpakai bagi pembinaan-pembinaan jalan, parit dan bangunan di bandar-bandar dan di Majlis Tempatan. Tujuannya ialah untuk menyelaraskan semua jalan, parit dan bangunan-bangunan di kawasan-kawasan tersebut di Semenanjung. Akta 446 pula telah digubal sebagaimana yang terdapat di dalam 'preamble' Akta tersebut bagi rumah-rumah pekerja yang didirikan oleh majikan mereka mengikut standard yang minimum. Sebagaimana yang terdapat di dalam peruntukan pemansuhan Akta 446, Akta ini adalah untuk menggantikan Akta perumahan di ladang-ladang. Akta 446 ini bertujuan meluaskan pendirian rumah oleh majikan di semua sektor majikan dan tidak dihadkan kepada ladang-ladang sahaja. Akta yang baru ini bertujuan untuk menyampaikan hasrat Kerajaan di dalam objektif untuk melindungi 'society' pada umumnya dan pekerja-pekerja khususnya. Ini juga bertujuan untuk membantu Kerajaan untuk mencapai tujuan wawasan 2020. Sekiranya pekerja-pekerja diberi layanan yang sempurna oleh majikan-majikan mereka seperti diberikan asas-asas kemudahan hospital, rawatan, perubatan, sekolah dan sosial, ini boleh meningkatkan motivasi pekerja-pekerja untuk bekerja lebih kuat dan meninggikan pengeluaran. Ini juga mungkin menjalinkan perhubungan yang lebih baik dan harmoni di antara pekerja dan majikan.

Adalah jelas dari afidavit yang difailkan oleh Tan Sri Dato' Seri Eric Chia Eng Hock bertarikh 17 Januari 1994 tujuan skim perumahan di Kemaman adalah untuk kebajikan dan kebaikan pekerja-pekerja Perwaja dan keluarga mereka. Beliau juga telah menyatakan bahawa sebahagian besar dari pekerja-pekerja Perwaja adalah terdiri dari golongan miskin dan tidak berumah. Tidak dinafikan di kawasan di mana kilang Perwaja ditempatkan kekurangan rumah yang begitu ketara. Di atas sebab itu Perwaja telah mendirikan rumah di skim perumahan tersebut.

Di atas sebab yang dinyatakan adalah jelas kepada Mahkamah bahawa Akta 446 adalah satu Akta khas (special Act) bagi pekerja-pekerja. Apakah status sesuatu Akta khas jika dibandingkan dengan Akta am? Mengikut prinsip undang-undang sesuatu Akta am itu tertakluk kepada Akta khas mengikut prinsip *"Generalia Specialibus non derogant"*. Di dalam kes *Corporation of Madras lwn. Electric Tramways Ltd. AIR* [1931] Mad. 152 telah diputuskan bahawa selepas adanya satu Akta am dan Parlimen kemudiannya membuat satu undang-undang khas yang berlawanan, maka hendaklah dianggap bahawa Parlimen membuat Akta khas tersebut sebagai satu pengecualian kepada Akta am. Reilly J. di muka surat 156 menyatakan seperti berikut:

> A good deal of time was occupied in the arguments by a discussion of the question how special Acts and general Acts, if they came into conflict, are to be treated. A great deal of that discussion, if I may say so, appeared to me unnecessary. There is the old maxim, *Generalia Specialibus non derogant;* that is general provisions do not derogate from special provisions. If the legislature makes a special Act dealing with a particular case and later makes a general Act, which by its terms would include the subject of the special Act and is in conflict with the speciaI Act, nevertheless unless it is clear that in making the general Act the legislature has had the special Act in its mind and has

intended to abrogate it, the provisions of the general Act do not override the special Act. If the special Act is made after the general Act, the position is even simpler. Having made the general Act if the legislature afterwards makes a special Act in conflict with it, we must assume that the legislature had in mind its own general Act when it made the special Act and made the special Act, which is in conflict with the general Act, as an exception to the general Act. These propositions appear to me to be beyond discussion at the present day.

Prinsip yang sama telah dipakai di Malaysia di dalam beberapa kes. Salah satu daripada kes tersebut ialah kes *U.H.G. lwn. Director General of Inland Revenue* [1974] 2 MLJ 33, Raja Azlan Shah FJ (ia semasa itu) di muka surat 34 ia telah menyatakan seperti berikut:

The argument on this point is presented in two ways. The first is based on the principle formulated by Sir George Jessel M.R. in *Taylor v. Oldham Corporation* and later applied by O'Connor J. in *Goodwin v. Phillips* in the following words:

> The conflict between the two sections is one of the kind to which Sir George Jessel M.R. refers in *Taylor v. Oldham Corporation*. Where there is a general provision which, if applied in its entirety, would neutralise a special provision dealing with the same subject-matter, the special provision must be as a proviso to the general provision, in so far as it is inconsistent with the special provisions, must be deemed not to apply.

Applying that test learned Counsel contended before us that since s. 91 is a general section, it cannot overrule s. 140 which is said, is a special section The latter section must be read as an exception from the operation of s. 91. In other words, a general provision is pro tanto avoided by an express provision entirely inconsistent with it.

The principle is familiar to us. Many cases have acted upon it. It is good law.

Di dalam kes P*ublic Prosecutor lwn. Chew Siew Luan* [1982] 2 MLJ 119, pula dinyatakan prinsip yang sama di mana di muka surat 119 - 120, Raja Azlan Shah CJ (ia semasa itu) telah berkata:

The Dangerous Drugs Act 1952 (Revised - 1980) is an Act specifically designed to regulate the importation, exportation, manufacture, sale and use of, *inter alia*, dangerous drugs, and "to make special provisions relating to the jurisdiction of Courts in respect of offences thereunder and their trial, and for purposes connected therewith". In other words, the Act is in substance a special law passed by Parliament in derogation of the rights of a person concerning the granting of bail in an otherwise ordinary case. We further note in particular that s. 41B of the Act is an entirely new section introduced by the Dangerous Drugs (Amendment) Act, 1978 (Act A426) and became operative on 10 March 1978. *Generalibus specialia derogant* is a cardinal principle on interpretation. It means that where a special provision is made in a special statute, that special provision excludes the operation of a general provision in the general law. (See also *Public Prosecutor v. Chu Beow Hin*). The provisions of s. 3 of the Criminal Procedure Code which counsel for the respondent seeks to rely on has no relevance whatsoever to the matter in issue before us.

It would be erroneous to apply expressions used and provisions made in one statute to another and entirely different one in complete disregard of the latter's express stipulations in the light of its specific purpose and object. On the other hand, it is a sound, and indeed, a well-known principle of construction of a statute that the purport of words and expressions used in a legislative measure must take their colour from the context in which they appear. We do not therefore agree with the learned Judge that it is open to a Court to subject the express provisions regarding bail in s. 41B of the Dangerous Drugs Act to the provisions relating thereto in the Criminal Procedure Code. The provisions regulating the granting of bail under the Dangerous Drugs Act must be construed in the context of that Act and not in that of the Criminal Procedure Code and to that extent the general provisions of the Criminal Procedure Code must ex necessitate yield to the specific provisions of s. 41B of the Dangerous Drugs Act in that regard. We should perhaps also observe *en passant* that any other construction would result in nullifying the purport and effect of the provisions of s. 41B(1)(c) of the Dangerous Drugs Act and render *otiose* and ineffective a certificate of the public prosecutor thereunder that it is not in the public interest to grant bail to a person accused of an offence under the Dangerous Drugs Act punishable with imprisonment for five years or less ...

Prinsip yang sama juga di dalam kes *Public Prosecutor lwn. Chu Beow Hin* [1982] 1 MLJ

135. Ini adalah satu keputusan Mahkamah Persekutuan dan di m. s. 137 Raja Azlan Shah, Pemangku Ketua Hakim Negara (ia semasa itu) telah menyatakan seperti berikut:

> Lastly, we need to say something on the provision of s. 407 of the Criminal Procedure Code. The learned Judge seems to think it applies in the present case because there is no express provision in the said Act regarding forfeiture. Section 407 enacts that the Court's power to order forfeiture is "subject to any special provisions relating to forfeiture contained in the written law under which the conviction was had". That in our opinion is a general provision. The Price Control Ordinance, 1946, the precursor to the Price Control Act was passed subsequently and brought into effect on 1 October 1946. It is a special enactment, and in passing it the legislature had its intention directed to the special case which the statute was meant to meet, and considered and provided for all the circumstances of the special case. Where a special provision is made in a special statute that special provision excludes the operation of a general provision in the general law - *specialia derogant*. Therefore the PriceControl Act deals with a special case and to that extent the general provisions of the Criminal Procedure Code do not affect its operation.

Dari kes-kes yang dinyatakan di atas adalah jelas bahawa prinsip *"generalibus specialia derogant"* adalah terpakai di negara ini. Dengan pemakaian prinsip ini maka peruntukan-peruntukan di dalam Akta am sekiranya berlawanan dengan peruntukan-peruntukan di dalam Akta khas maka peruntukan-peruntukan di dalam Akta am itu disifatkan terbatal dan tidak terpakai.

Oleh itu di dalam kes ini sekarang oleh kerana terdapatnya peruntukan di dalam Akta 133 yang berlawanan dengan peruntukan di dalam Akta 446 di atas persoalan siapakah yang mempunyai kuasa meluluskan pelan-pelan di skim perumahan tersebut, ianya dapat diputuskan dengan memakai prinsip *"generalibus specialia derogant"*. Oleh kerana jelas bahawa skim perumahan tersebut adalah satu skim perumahan yang didirikan oleh majikan untuk pekerja-pekerja ianya tertakluk kepada Akta khas iaitu Akta 446 dan bukan di bawah Akta am iaitu Akta 133 yang disifatkan terbatal dan tidak terpakai. Dengan itu juga saya berpendapat mengikut peruntukan di dalam Akta 446 Ketua Pengarah Buruh yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pelan-pelan di skim perumahan tersebut.

(3) Sebab Ketiga:

Sebab ketiga mengapa saya mengatakan Akta 446 dan bukannya Akta 133 terpakai di dalam skim perumahan tersebut ialah berasaskan prinsip *"leges posteriores priores contrarias abrogant"* iaitu Akta yang baharu disifatkan membatalkan Akta-akta yang dahulu (lama) di mana didapati berlawanan dan bertentangan dengan Akta baharu. Ini juga termasuk peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta-akta tersebut.

Di dalam buku **"Construction of Statutes"** oleh Elmer A. Driedger Q.C. (2nd Ed.) Butterworths Toronto 1983 di m. s. 226 dinyatakan seperti berikut:

> It has long been stated by Courts and textwriters that where two Acts are inconsistent or repugnant, the later will be read as having impliedly repealed the earlier.Thus, in *Churchwardens, etc. of West Ham v. Fourth City Mutual Building Society* it was held that an Act of 1819 (Sturges Bourne's Act) was impliedly repealed by the Parochial Assessment Act 1836, on the ground that the earlier Act was inconsistent with the later. In *Ex parte Byrne* a statute required agents of companies to furnish a return of income to the city assessors when required to do so, but a later statute required them to submit the statement before the 15 May. Ritchie CJ said:
>
> It is impossible, therefore, that both Acts can stand together. An affirmative statute is a repeal of a precedent affirmative statute, where its matter necessarily implies a negative, and the repugnancy such that the two Acts cannot be reconciled, for then, *leges posteriores priores contrarias abrogant*.

Di dalam kes *Goodwin v. Phillips* [1908] 7 CLR 1 Griffith CJ di m. s. 7 telah memutuskan seperti berikut:

> ... where the provisions of a particular Act of Parliament dealing with a particular subject matter are wholly inconsistent with the provisions of an earlier Act dealing with the same subject matter, then the earlier Act is repealed by implication. It is immaterial whether both Acts are penal Acts or both refer to civil rights. The former must

be taken to be repealed by implication. Another branch of the same proposition is this, that if the provisions are not wholly inconsistent, but may become inconsistent in their application to particular cases, then to that extent the provisions of the former Act are excepted or their operation is excluded with respect to cases falling within the provisions of the later Act.

Dari prinsip yang dinyatakan di atas adalah jelas kepada saya sekiranya ada peruntukan yang bertentangan di antara Akta 446 dan Akta 133 sebagaimana yang terdapat sekarang ini maka Akta yang baharu iaitu Akta 446 membatalkan Akta 133. Pembatalan ini mungkin dihadkan kepada mana-mana peruntukan sahaja tanpa melibatkan Akta itu sepenuhnya sekiranya didapati peruntukan itu sahaja yang bertentangan. Dengan itu dari prinsip ini adalah jelas kepada saya kuasa meluluskan pelan-pelan di skim perumahan tersebut tertakluk kepada Akta 446 dan bukannya Akta 133 yang disifatkan terbatal.

Dari sebab-sebab yang telah saya nyatakan di atas adalah jelas kepada saya bahawa pihak yang berkuasa meluluskan pelan-pelan perumahan di skim perumahan tersebut adalah Ketua Pengarah Buruh sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 446 dan bukannya oleh Yang Di Pertua, Majlis Daerah Kemaman.

Dengan itu saya membenarkan permohonan oleh plaintif. Walau bagaimanapun tidak ada perintah ke atas kos.